BERITA DYNAMIC PASIR GUDANG

06
EDISI KEENAM
2021

TERBITAN RASMI
MAJLIS BANDARAYA
PASIR GUDANG

NOVEMBER - DISEMBER 2021
ربيع الأول 1443هـ - جمادي الأول 1443هـ

MAJLIS PENGISYTIHARAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG PADA 9 DISEMBER 2021 OLEH DYMM SULTAN JOHOR

8 Majlis Angkat Sumpah Datuk Bandar Pertama Pasir Gudang

16 Sesi *Town Hall* Datuk Bandar Pasir Gudang Menyantuni Komuniti Sesi 2/2021

Gemilang • Lestari • Sejahtera

Edisi Digital

ISI **KANDUNGAN**

3 **EDISI KHAS** : Tahniah Yang Berhormat Dato' Asman Shah Bin Abd. Rahman Atas Pemasyhuran Sebagai Datuk Bandar Pasir Gudang.

4 **EDISI KHAS** : Perasmian Galeri Oleh DYMM Sultan Johor.

5-7 **EDISI KHAS** : Majlis Pengisytiharan Majlis Bandaraya Pasir Gudang Pada 9 Disember 2021 Oleh DYMM Sultan Johor.

8-9 **EDISI KHAS** : Majlis Angkat Sumpah Datuk Bandar Pertama Pasir Gudang.

10-11 Lensa November Dan Disember 2021.

12-15 Program Sepanjang Majlis Pengisytiharan Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
- Solat Hajat.
- Kayuhan Satu Hati 24 Zon Komuniti.
- Pertandingan Karom Komuniti Zon Ahli Majlis.
- Pertandingan Boling Komuniti Zon Ahli Majlis.
- Pertandingan Sukan Rakyat antara 24 Zon / Acara Memanah.
- Pertunjukkan Bunga Api.
- Konvoi Satu Hati.
- Majlis Penutup Konvoi Satu Hati.

16 Sesi *Town Hall* Datuk Bandar Pasir Gudang Menyantuni Komuniti Sesi 2/2021.

17 Pertandingan Azan Peringkat Pasir Gudang 2021.

18-19 Yayasan Pasir Gudang.

20 Laman Info.

SIDANG **REDAKSI**

PENAUNG
Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman

PENASIHAT
Encik Mohd Hafiz bin Aliman

EDITOR
Encik Nik Masri bin Moharani

PENGARANG
Puan Nadztasha binti Mohd Puad

PENERBIT
Unit Media & Komunikasi
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

JURUFOTO
Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

KONSEP & REKA GRAFIK
PGI Media

HAK CIPTA TERPELIHARA © 2021

Sidang Redaksi Berita *DYNAMIC* PASIR GUDANG mengalu-alukan sumbangan tulisan dan maklum balas. Sila kemukakan kepada:

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG
Aras 19, Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor.
Tel : 07-254 7777 Faks : 07- 251 5260 Web : www.mbpg.gov.my

Tahniah

YANG BERHORMAT DATO' ASMAN SHAH BIN ABD. RAHMAN

atas pemasyhuran sebagai

DATUK BANDAR PASIR GUDANG

PERASMIAN GALERI OLEH DYMM SULTAN JOHOR

MAJLIS PENGISYTIHARAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG PADA 9 DISEMBER 2021 OLEH DYMM SULTAN JOHOR

DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar berkenan berangkat menyempurnakan Pengisytiharan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) di Menara Aqabah, Pasir Gudang.

Berangkat sama, DYAM Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor. Dalam majlis itu, Baginda Tuanku Sultan turut berkenan menyaksikan penyerahan suratcara oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican kepada Menteri Besar Johor, YAB Dato' Ir. Haji Hasni Mohammad sebelum DYMM Sultan Johor membacakan Titah Pengisytiharan.

Hadir sama, Yang Dipertua Jumaah Majlis DiRaja Johor, YB Dato' Abdul Rahim Ramli, Setiausaha Kerajaan Johor, YB Dato' Azmi Rohani dan Datuk Bandar MBPG, YB Dato' Asman Shah Abd. Rahman. Terdahulu, DYMM Sultan Johor turut berkenan merasmikan dan melawat Galeri Bandaraya Pasir Gudang.

EDISI Khas

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Menjunjung Kasih

KE MAJLIS PENGISY
9 DISEM

Majlis Angkat Sumpah

DATUK BANDAR PERTAMA PASIR GUDANG

Yang Amat Berhormat Dato' Ir. Haji Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor, YB Dato' Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor dan YB Tuan Haji Ayub bin Jamil telah hadir ke Dewan Serbaguna Taman Mawar, Pasir Gudang bagi Majlis Pemasyhuran Pelantikan Datuk Bandar yang pertama, Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman.

Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah dinaik taraf sebagai Bandaraya pada 22 November 2020, walaubagaimanapun majlis tidak dapat diadakan disebabkan Pandemik COVID-19 yang melanda negara semenjak tahun 2020.

DATUK BANDAR

MAJLIS ANGKAT SUMPAH
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

MAJLIS ANGKAT SUMPAH
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

MAJLIS ANGKAT SUMPAH
DATUK BANDAR

LENSA MBPG

NOVEMBER & DISEMBER 2021

BENGKEL KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) MBPG (10 & 11 NOVEMBER) DAN (15 & 16 NOVEMBER 2022)

FESTIVAL ORANG MUDA JOHOR 2021 (20 NOVEMBER 2021)

SEMINAR ETIKA DAN INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN KAKITANGAN MBPG (23 & 24 NOVEMBER 2021)

LAWATAN UTM JOHOR KE MUZIUM LAYANG-LAYANG (24 NOVEMBER 2021)

FOCUS GROUP DISCUSSION
RANCANGAN TEMPATAN PASIR GUDANG (28 NOVEMBER 2021)

MESYUARAT PENUBUHAN PERSATUAN PELANCONGAN PASIR GUDANG (29 NOVEMBER 2021)



PROGRAM SEPANJANG MAJLIS PENGISYTIHARAN

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

KARNIVAL PASIR GUDANG

Majlis Bandaraya Pasir Gudang menganjurkan pelbagai aktiviti bagi meraikan sambutan Majlis Pengisytiharan Majlis Bandaraya Pasir Gudang pada 9 Disember 2021 yang lalu. Antara program yang dianjurkan ialah Karnival Pasir Gudang yang diadakan pada 10 dan 11 Disember, yang dipenuhi dengan pelbagai aktiviti sukan. Pada sebelah pagi pula, Telah berlangsung Kayuhan Satu Hati mengelilingi 24 zon di pentadbiran MBPG bersama Datuk Bandar. Antara-aktiviti lain pula ialah :

- Solat Hajat
- Kayuhan Satu Hati 24 Zon Komuniti
- Pertandingan Karom Komuniti Zon Ahli Majlis
- Pertandingan Boling Komuniti Zon Ahli Majlis
- Pertandingan Sukan Rakyat antara 24 Zon / Acara Memanah
- Pertunjukkan Bunga Api
- Konvoi Satu Hati
- Majlis Penutup Konvoi Satu Hati

Aktiviti sukan rakyat yang dipertandingkan ialah aktiviti Galah Panjang, Terompah Gergasi, Capteh, Lari Dalam Guni, Batu Seremban dan Congkak. Selain itu, terdapat juga Pertandingan Mewarna bagi kanak-kanak, juga demonstrasi masakan oleh chef jemputan yang dianjurkan bersama PUSPANITA Pasir Gudang. Selain itu, Konvoi Satu Hati turut diadakan bagi 24 Zon pentadbiran Pasir Gudang.

Majlis doa kesyukuran, solat hajat sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor dan Majlis Pengisytiharan MBPG turut diadakan juga bacaan tahlil sempena kemangkatan Almarhum Tunku Abdul Jalil ibni Sultan Ibrahim, Tunku Laksamana Johor.

MAJLIS DOA KESYUKURAN, SOLAT HAJAT SEMPENA HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN JOHOR DAN MAJLIS PENGISYTIHARAN MBPG, SERTA BACAAN TAHLIL SEMPENA KEMANGKATAN ALMARHUM TUNKU ABDUL JALIL IBNI SULTAN IBRAHIM, TUNKU LAKSAMANA JOHOR.

KAYUHAN SATU HATI 24 ZON KOMUNITI

PERTANDINGAN KAROM KOMUNITI ZON AHLI MAJLIS

PERTANDINGAN BOLING KOMUNITI ZON AHLI MAJLIS

ACARA MEMANAH DAN PERTANDINGAN SUKAN RAKYAT ANTARA 24 ZON

PERTUNJUKAN BUNGA API

KONVOI SATU HATI

MAJLIS PENUTUP KONVOI SATU HATI

SESI *TOWN HALL* DATUK BANDAR PASIR GUDANG MENYANTUNI KOMUNITI SESI 2/2021

Sesi *Town Hall* Menyantuni Komuniti Pasir Gudang Sesi 2/2021, telah diadakan di Dewan Serbaguna Taman Mawar, Pasir Gudang dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman, Datuk Bandar MBPG.

Dalam sesi *Town Hall* ini, Datuk Bandar telah membuat taklimat berkaitan hala tuju Pasir Gudang pada tahun 2022. Selain itu, beliau turut memaklumkan status projek-projek yang telah siap dan yang sedang dijalankan di semua zon dalam pentadbiran Pasir Gudang. Ketua Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan Encik Nurazam bin Razali, dan Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Johor turut memberi taklimat berkaitan Kesedaran Undang-Undang dan Johor Bahru Sifar Jangkitan HIV menjelang tahun 2030.

Sesi *Town Hall* ini juga telah memberi peluang interaksi dua hala di antara penduduk dan Datuk Bandar bagi membincangkan isu-isu yang diutarakan oleh penduduk di setiap zon. Pelbagai permasalahan yang disampaikan oleh penduduk seperti jalan raya, lampu jalan, pencemaran sungai dan lain-lain telah diperincikan oleh Datuk Bandar dan Ketua-Ketua Jabatan MBPG untuk status dan tindakan yang akan diambil.

Beberapa agensi turut hadir dalam sesi *Town Hall* tersebut bagi menjawab dan menjelaskan persoalan-persoalan dari penduduk. Antaranya ialah Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru, IPD Seri Alam, Jabatan Alam Sekitar, IWK dan SWCorp. Semoga sesi *Town Hall* ini dapat memberi peluang kepada penduduk untuk berinteraksi secara terus dengan pihak Pengurusan MBPG dalam satu medium yang lebih mesra untuk memberi penjelasan berkaitan perkhidmatan yang diberikan.

Yang Berhormat Datuk Bandar mengetuai sesi soal jawab bersama komuniti yang diadakan.

PERTANDINGAN AZAN
PERINGKAT PASIR GUDANG 2021

Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menganjurkan Pertandingan Azan sempena sambutan Maulidur Rasul dan Pengisytiharan MBPG Peringkat Pasir Gudang 2021 pada 16 November hingga 28 November 2021. Sebanyak 80 penyertaan telah diterima dan dua kategori telah dipertandingkan iaitu kategori terbuka 15 tahun ke atas dan kategori kanak-kanak 7 hingga 14 tahun. Antara objektif penganjurannya ialah memperkenal dan mendidik variasi bacaan Al-Quran kepada masyarakat dengan mewajibkan bahagian taranum di dalam bacaan peserta pertandingan serta menggalakkan masyarakat untuk membudayakan amalan bacaan Al-Quran dalam aktiviti harian.

Pertandingan ini diadakan secara individu dimana peserta hendaklah melaungkan azan subuh dengan pilihan taranum bebas. Pada Peringkat awal, peserta yang telah mendaftar dikehendaki untuk menghantar video laungan azan untuk dinilai oleh pihak juri. Seterusnya bagi peringkat akhir, hanya 8 orang peserta bagi setiap kategori yang layak bertanding ke peringkat akhir. Pusingan akhir diadakan secara bersemuka di hadapan para juri di Bilik Mawar Aras 20, Menara Aqabah pada 30 Oktober 2021.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Puan Hajah Norizan binti Mohamad, Ketua Bahagian Pembangunan Masyarakat selaku wakil rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang, Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Berikut merupakan pemenang bagi setiap kategori :

KEDUDUKAN	KATEGORI TERBUKA
Johan	Sultan bin Colle
Naib Johan	Muhammad Hafizi bin Mohd Zaki
Ketiga	Afif Danial bin Kamarul Azhar

KEDUDUKAN	KATEGORI KANAK-KANAK 7-14
Johan	Muhammad Faris bin Mohd Marzuki
Naib Johan	Muhammad Wafiy bin Muhamad Nazri
Ketiga	Muhammad Azim Zikri bin Zainal Abidin

YAYASAN PASIR GUDANG

SANITASI BAS DAN VAN SEKOLAH (PEMBERIAN BAUCAR DIESEL PERCUMA)

TARIKH : 6 NOVEMBER 2021

Setiap pengusaha bas dan van sekolah yang menyertai program ini telah diberikan baucar diesel beserta khidmat sanitasi dan disinfeksi percuma terhadap bas dan van sekolah mereka. Seramai 40 orang pengusaha van/bas sekolah menerima manfaat tersebut. Sumbangan ini dapat membantu pengusaha ini menyediakan perkhidmatan yang baik dan selamat kepada pelajar-pelajar sekolah yang akan kembali ke sekolah tidak lama lagi. Sumbangan baucar diesel bernilai RM100.00 kepada setiap pengusaha merupakan sumbangan Yayasan Pasir Gudang.

SESI PENYERAHAN TOPI KELEDAR BASIKAL PERCUMA BERSEMPENA HARI SUKAN AIR BIRU 2021

TARIKH : 20 NOVEMBER 2021

Program ini bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup sihat masyarakat di Pasir Gudang dengan menyertai sukan berbasikal. Yayasan Pasir Gudang telah menyerahkan sumbangan topi keledar percuma bersempena Hari Sukan Air Biru anjuran JKPZ Zon Air Biru. Seramai 117 orang penerima telah menerima manfaat pada hari tersebut.

Pada Hari Sukan Air Biru tersebut turut diadakan acara pertandingan memasak, aktiviti sukan rakyat dan *fun ride* bersama masyarakat di Taman Air Biru. Sumbangan topi keledar basikal merupakan sumbangan dari Yayasan Pasir Gudang.

PROJEK EKONOMI RAKYAT (ERA) WANITA NIAGA SIRI 9: PERAPAN REMPAH KAMBING

TARIKH : 2 NOVEMBER 2021

Program ini bertujuan membantu wanita dalam meningkatkan kemahiran dalam pembuatan makanan yang boleh di komersialkan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan ekonomi golongan wanita khususnya.

Seramai 20 orang peserta menyertai Projek Ekonomi Rakyat (ERA) memasuki siri kesembilan dengan kemahiran membuat rempah perapan kambing. Para peserta diajar mengenai bahan yang diperlukan, cara penyediaan, kiraan anggaran kos dan cadangan harga jualan. Peserta juga diberi peluang untuk merasai pengalaman untuk membuat sendiri rempah perapan kambing tersebut. Program ini merupakan program tajaan penuh Yayasan Pasir Gudang. Tenaga pengajar pula dari pihak KEMAS.

LAWATAN PROJEK URBAN FARMING ISKANDAR MALAYSIA

TARIKH : 10 DISEMBER 2021

Program Pertanian Bandar *(Urban Farming)* merupakan program bagi membantu golongan berpendapatan rendah (B40/M40) untuk mendapat peluang pendapatan tambahan melalui *Farm To Sell* dan mengurangkan kos perbelanjaan harian *Farm To Eat*. Melalui projek pertanian bandar, ia dapat membantu isi rumah dan komuniti setempat di bandar, meringankan kos sara hidup dan menjimatkan kos perbelanjaan dapur melalui pengeluaran tanaman sendiri. Lebihan tanaman boleh dijadikan punca pendapatan sampingan.

Persatuan Agro Harmoni menjalankan projek penanaman terung panjang bertempat di tanah lapang Jalan Harmoni 8, Taman Nusa Damai. Lawatan ini merupakan salah satu proses pemantauan projek Yayasan Pasir Gudang.

Projek ini merupakan tajaan *Iskandar Malaysia Development Authority* (IRDA) berjumlah RM15,000.00 dibantu penasihat pertanian dari Jabatan Pertanian Negeri Johor serta pemantauan dari Yayasan Pasir Gudang.

WALKABOUT FOOD AID PROGRAMME MYKASIH YAYASAN PASIR GUDANG 2022

TARIKH : 12 DISEMBER 2021

Program ini merupakan program bantuan bulanan keperluan asas bernilai RM80.00 sebulan selama 12 bulan yang dikreditkan terus kepada kad pengenalan/MyKad penerima bantuan. Program ini merupakan program tajaan Yayasan MyKasih.

Seramai 120 orang penerima pelbagai bangsa terdiri daripada orang kelainan upaya (OKU), pesakit kronik, ibu tunggal, warga emas dan keluarga kurang berkemampuan. Penerima mestilah beralamat tetap di kawasan pentadbiran MBPG dan tergolong dalam golongan miskin bandar. Tempoh bantuan adalah dari Disember 2021 sehingga November 2022. Program ini merupakan program tajaan penuh Yayasan MyKasih.

SUMBANGAN PERAYAAN HARI KRISMAS 2021

TARIKH : 17 DAN 19 DISEMBER 2021
TEMPAT : 1. DEWAN TERBUKA JALAN GELAM, TAMAN RINTING
2. FUTSAL TERBUKA JALAN CIKU, TAMAN KOTA MASAI

Program tahunan Yayasan Pasir Gudang bagi menyambut Hari Krismas. Sumbangan ini melibatkan 200 orang penerima dari zon Pasir Gudang dan Tebrau. Setiap penerima menerima sumbangan tunai dan barang keperluan dapur bernilai RM200.00.

LAMAN INFO

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Selamat Hari

Deepavali

தீபாவளி வாழ்த்துக்கள்

4 NOVEMBER 2021

Ikhlas daripada :

Datuk Bandar
dan Seluruh Warga Kerja
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

PAUTAN INFORMASI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

www.mbpg.gov.my

Majlis Bandaraya Pasir Gudang

majlisbandarayapg_official

SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA)

Aduan/Maklum Balas Baharu

Semak Aduan/Maklum Balas

Log Masuk Pelanggan